

AMAL SALIH

Apakah amal salih itu atau apakah yang dikehendaki oleh firman Tuhan, *wa amilu al-salihah*? Itu? Hanya khusyuk kepada sembahyang sahajakah? Mengerjakan ibadat sahaja dengan meninggalkan dunia sama sekali?! Dengarlah apa kata Almarhum Al-Sheikh Muhammad Abdul Aziz Al Al-Hauli menerangkan apa ertinya amal salih itu untuk panduan kita.

“Amal yang salih” itu ialah segala perbuatan yang dapat memperbaiki diri engkau sendiri. Suatu kesihatan, budi perkerti kesempurnaan akal (otak) demikian juga segala sesuatu yang perlu untuk kebaikan isteri engkau, anak engkau, kaum kerabat engkau, agama engkau, bangsa engkau, bahkan sekalian manusia – sekalian itu ialah “amal salih”; memakan makanan dengan sederhana, tidak berlebih-lebihan dan tidak bakhil – ini pun juga dinamakan amal salih; mempelajari ilmu riadah (matematik; seperti algebra dan lain-lainnya) untuk memajukan fikiran dan lainnya amal yang salih;

dan memperbaiki keadaan akhlak seseorang asalkan sahaja ia mengetahui gunanya Allah menjadikan akal itu. Sebab dengan akal dan kecerdasan itu dapatlah ia berjalan di atas landasan keredhaan Allah; tetapi kalau ia jahil tentang itu nescaya segala kejahatan dan kemunkaran akan dilakukannya.

Seorang ahli adab berkata: “Kawan bagi tiap-tiap orang itu ialah akal dan musuhnya ialah kebodohan.” Kata seorang hakim: “Kepapaan yang amat sangat itu ialah ketiadaan akal.” dan kata yang lain pula: “Tiap-tiap sesuatu apabila banyak menjadi murah kecuali akal semakin banyak semakin mahal.

Seorang ahli syair berkata: *Yakdi rafii;kaumi min kana aqala * wainlam yakun fi qaumihi bihusaibi * iza hal arda asha fiha bingaqolah * wama aqala fi billadat*

mengerjakan kewajipan kepada keluarga ini pun amal salih; engkau mendidik anak-anakmu dan mengeluarkan harta kerananya – amal yang salih; berusaha untuk memperbaiki kaum kerabat, amal salih; engkau mempelajari agama dan menolak “syubhah” dalam agama – amal salih bekerja kerana menyatukan kaum Muslimin, amal salih; berusaha untuk memberhentikan peperangan dan meratakan keamanan, amal salih; mengadakan perhubungan am kerana maslahat umum – amal salih, mengerjakan sembahyang kerana mustahak diri sendiri, membayar zakat kerana membantu orang-orang yang lemah, mengerjakan puasa kerana kesihatan, mengerjakan haji kerana mengukuhkan ikatan kaum Muslimin dan segala kebaikan yang engkau perbuat kerana orang lain samada bagi seorang atau pun sesuatu umat semuanya itu ialah amal salih. Ringkasnya seberapa banyak dan luasnya manfaat yang engkau beri maka sedemikian itulah pula tingginya kedudukan engkau di dalam lingkungannya “amal yang salih”.

Sekianlah katanya – fahamlah mudah-mudahan dapat kita beramal salih mengikut seperti tujuan yang tersebut yang tak dapat tiada membawa kebahagiaan dunia dan akhirat.

bighorib.

Ertinya: “Orang yang berakal itu dipandang orang yang tinggi dalam kaumnya, sekalipun ia bukan bangsawan pada kaumnya. Apabila ia tinggal di suatu tempat, hiduplah ia padanya degan akalnya. Dan orang yang berakal itu tidak terasing di sebuah negeri. “ Karangan Tuan Muhammad Ali dipetik daripada Majalah Al-Lisan.

Bacalah buku-buku keluaran Qalam

Bilik 69	\$1.20
Meja tiga belas	\$1.20
Subuh di tepi laut	\$1,00
Utusan murtad	\$1.00

Harga-harga ini tambah belanja pos 10 sen.